

R GB 08-09 00188 BA855

aab

## MALAYSIA TIDAK TAKUT UNTUK TETAPKAN TAHAP KUALITI ALAM SEKITARNYA

Mahathir - Alam Sekitar

I

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak takut untuk menyatakan bahawa standard alam sekitarnya adalah berbeza dengan di negara-negara maju kerana ia tidak bermakna standard itu lebih rendah daripada di Barat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Standard kita sebenarnya adalah lebih baik daripada mereka,+ katanya pada sesi soal jawab dengan kira-kira 100 peserta seminar kebangsaan untuk mencari jalan bagi melaksanakan keputusan sidang Kemuncak Bumi mengenai pembangunan tanpa merosakkan alam sekitar, di sini.

Perdana Menteri ditanya sama ada standard Malaysia akan sama seperti di negara-negara maju jika Malaysia hendak mewujudkan standard kualiti mengenai alam sekitarnya.

+Standard kita mesti selaras dengan sistem, nilai dan kebudayaan kita sendiri,+ katanya dan menambah bahawa standard ditetapkan oleh manusia dan oleh itu tidak bermakna bahawa ia lebih rendah daripada yang ditetapkan oleh orang lain.

Dr Mahathir memberi contoh cara hidup bebas di negara-negara maju yang menyebabkan merebaknya AIDS. +Ia tidak bermakna kita juga mesti mengikut cara hidup seperti itu,+ katanya. -- Lagi.

▼08/09/18-56MST

R GB 08-09 00180 BA856

aab

Mahathir - Alam Sekitar 2 Kuala Lumpur

Beliau juga memberikan contoh cerita seorang pencinta binatang yang memukul sehingga mati orang yang menyepak seekor anjing.

Perdana Menteri ditanya bermacam-macam soalan oleh para peserta seminar dua hari itu yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang bertujuan membincangkan cara untuk melaksanakan komitmen yang dibuat oleh Malaysia pada persidangan Kemuncak Bumi tiga bulan lepas.

Selain menandatangani Deklarasi Rio dan rancangan asas yang tidak terikat dengan undang-undang berhubung rangka tindakan dan menjalankan pembangunan tanpa membahayakan alam sekitar yang dipanggil Agenda 21, Malaysia juga menandatangani Konvensyen mengenai Kepelbagaian Biologi pada persidangan itu.

Malaysia bagaimanapun tidak menandatangani perjanjian mengenai perubahan iklim kerana ia tidak mempunyai tujuan khusus untuk mengurangkan gas rumah kaca dalam tempoh tertentu oleh negara-negara perindustrian.

Dr Mahathir memberitahu seminar itu bahawa Malaysia mungkin negara pertama atau merupakan kumpulan kecil negara-negara yang telah mengambil tindakan susulan peringkat kebangsaan berhubung persidangan Rio, yang sebelum itu dikenali sebagai Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCED). -- Lagi.

▼08/09/18-59MST

Mahathir - Alam Sekitar 3 Kuala Lumpur

Katanya, negara-negara telah bersetuju untuk mengawal alam sekitar semasa melaksanakan pembangunan, dan kos tanggungan itu akan membuahkan hasil dalam jangka panjang.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa mereka tidak semestinya menerima bulat-bulat semua idea mengenai alam sekitar yang datang dari negara maju atau negara-negara Utara.

Mereka tidak boleh terbawa-bawa (dengan idea ini) sehingga melupai penduduk dunia, katanya sambil menyatakan perlunya pendekatan seimbang apabila berhadapan dengan persolan pembangunan dan alam sekitar.

Sambil menyatakan beberapa idea seperti +kehijauan+ adalah baik, Dr Mahathir berkata, apa yang sebenarnya dikatakan oleh mereka ialah +kita mesti menjaga hutan kita+ manakala mereka meneruskan cara hidup mereka dan mengeluarkan gas-gas berbahaya.

Pada masa yang sama, kerajaan sedar bahawa +orang akan menumpukan perhatian kepada kita kerana kita kritikal, tetapi kita mampu menerima perhatian itu,+ katanya. -- Lagi.

CNS8852

R GB 08-09 00112 BA862

aab

Mahathir - Alam Sekitar 4 Kuala Lumpur

Sementara kerajaan akan memastikan industri-industri +kotor+ tidak didirikan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah terlebih awal daripada negara-negara barat mewujudkan standard, katanya.

Dr Mahathir berkata banyak negara sedang membangun menyokong pendirian Malaysia pada persidangan antarabangsa tetapi mereka tidak berani menyatakannya secara terbuka kerana bimbang menerima kesannya daripada negara maju.

Katanya, Malaysia boleh mengambil pengajaran bahawa ia mesti kuat sebelum boleh mengkritik yang lain.

Mengenai pelaksanaan tanggungjawab terhadap persidangan Rio, beliau berkata, perubahan-perubahan bercorak institusi telah dibuat untuk tujuan itu tetapi mengingatkan bahawa negara ini tidak boleh pergi +terlalu jauh+ mengenainya. -- Lagi.

▼08/09/19-34MST

CNS8866

U GB 08-09 00122 BH479

AAB

Mahathir - Alam Sekitar 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, mereka perlu mengkajinya dan menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan pembangunan yang berterusan dan untuk ini kerajaan akan turut membincangkan dengan NGO untuk mencapai satu definisi yang boleh diterima.

Perdana Menteri juga menekankan keperluan untuk mendidik rakyat mengenai alam sekitar dan isu-isu berkaitan dengannya kerana masih ramai yang tidak memahami atau mengetahui mengenainya.

+Kita turut memerlukan pendidikan mengenai alam sekitar di sekolah-sekolah,+ tambahannya.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail, semasa menutup seminar itu berkata bahawa beliau berpuas hati kerana mengetahui bahawa satu kata sepakat nasional sedang diusahakan mengenai bagaimana untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang dicapai di sidang kemuncak bumi itu.

-- Bernama.